

## Pemikiran Sastera Islam dalam Perkembangan Sastera Arab Moden

### Islamic Literary Thought in The Development of Modern Arabic Literature

ROSNI SAMAH

#### ABSTRAK

*Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pemikiran sastera Islam dalam sastera Arab moden. Ia muncul semula dalam sastera moden hasil daripada perjuangan tokoh-tokoh reformasi Islam untuk dijadikan sastera sebagai wasilah dakwah. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti kemunculan pemikiran sastera Islam, tokoh pelopor dan perdebatan definisi. Hasil kajian ini menunjukkan pemikirannya muncul sekitar 50-an dekad lalu melalui laungan tokoh-tokoh reformasi Islam yang terkenal, iaitu Abu Hassan al-Nadawi, Sayyid Qutub, M. Qutub, Raf'at Basha dan Imaduddin Khalil. Definisi ini telah diperdebatkan dan mencapai kematapannya. Definisi ini boleh diaplikasikan dalam menilai bahan sastera di Malaysia.*

*Kata kunci: Sastera Islam; sastera Arab; definisi; moden; kemunculan*

#### ABSTRACT

*This study carried out to investigate the thought of Islamic literature in modern Arabic literature. Islamic literature appeared in modern Arabic literature resulting from the effort brought by the Islamic reformists. They claimed literature to become as a tool in disseminating the Islamic teaching. The aim of this study is to investigate the origin of it's thought, scholars and polemics of definition. The result shows that it's thought appeared in 50s previous decade through the efforts contributed by the Islamic reformist. Among them is Abu Hassan al-Nadawi, Sayyid Qutub, M. Qutub, Raf'at Basha dan Imaduddin Khalil. It's definition debated by literary scholars and reached the level of maturity. The definition can be applied in evaluating the literary works in Malaysia.*

*Keywords: Islamic literature; Arabic literature; definition; modern; appearance*

#### PENDAHULUAN

Gema ke arah “bersastera” mengikut perspektif Islam mula dirasai di awal dekad lima puluhan. Ia muncul kesan dari arus pergerakan kebangkitan Islam sendiri dan dibawa oleh tokoh-tokoh reformasi Islam yang ingin menjadikan bahan sastera sebagai media dakwah untuk menyedarkan masyarakat dan membawa mesej reformasi.

Sastera Islam merupakan terminologi baharu yang muncul dalam arus moden, bahkan ia lebih merupakan arus kritikan sastera yang muncul hasil daripada arus kebangkitan Islam. Ia merupakan sastera Islam moden yang muncul semula di zaman moden ini selepas terpinggir buat beberapa dekad. Walau bagaimanapun konsep dan fungsinya tetap sama dengan sastera Islam yang pernah lahir di zaman permulaan Islam dahulu.

Bagi menghidupkan semula sastera Islam, ia memerlukan sumbangan sarjana-sarjana Islam untuk menggaris semula ciri-ciri, definisi, dimensi, tema serta beberapa syarat dan saranan yang lain.

Kajian ini bertujuan menyingkap pemikiran sastera Islam dalam perkembangan sastera Arab moden dengan meneliti sejarah kewujudan idea yang menyumbang ke arah sastera Islam, sarjana yang telah menyumbang idea mereka dan teori yang diperdebatkan. Hasil kajian ini juga dapat membantu perkembangan sastera Islam di Malaysia, khususnya dalam memantapkan teorinya.

#### KEMUNCULAN IDEA SASTERA ISLAM MODEN

Dalam sejarah perkembangan sastera dunia, didapati pelbagai mazhab sastera muncul hasil daripada pergolakan pemikiran, kehidupan dan alam sekeliling, seperti mazhab Kelasiki, Romantis, dan sebagainya. Mengikut Al-Tahir Muhammad Ali (1989: 109) kebangkitan pergerakan Islam di zaman moden ini, menyumbang ke arah melahirkan satu arus sastera mengikut perspektif Islam. Tujuannya ialah untuk menjadikan sastera sebagai wadah dan

media dakwah seperti yang pernah berlaku di zaman awal Islam.

Mengikuti Said Abu al-Redha (1983:36) sarjana Islam pertama yang meneroka bidang ini dan melaungkan gagasan ke arah menghidupkan semula sastera Islam, ialah Syeikh Abu Hasan al-Nadawi. Beliau merupakan seorang tokoh pelopor dalam bidang ini yang melaungkan gagasan dan saranan ke arah bersastera mengikut perspektif Islam. Rahmah Ahmad Osman dan M. Shahrizal Nasir (2011) menyatakan pemilihan al-Nadawi dan pandangannya dalam membincangkan sastera Islam amat signifikan. Beliau banyak menulis esei dan buku tentang sastera Islam.

Said Abu al-Redha (1983: 86) menjelaskan lagi dalam menjayakan gagasan tersebut, beliau menerbitkan satu esei ke arah sastera Islam semasa dipilih sebagai seorang ahli anggota Dewan Ilmu di Damsyik. Hasil usaha beliau jugalah, satu seminar antarabangsa yang pertama bagi sastera Islam dapat dianjurkan bertempat di India. Cetusan daripada seminar ini, tertubuhlah Liga Sastera Islam Sedunia. Beliau sendiri diamanatkan sebagai pengarahnya.

Sumbangan gagasan ke arah Sastera Islam dalam dekad 50-an bersambung dengan kemunculan seorang tokoh pengkritik sastera dan pendakwah Islam yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat dan dunia Islam. Beliau ialah al-Marhum Sayyid Qutub yang merupakan pembuka jalan ke arah sastera Islam Moden. Beliau menyeru dan melaungkan agar dapat dikembalikan arus sastera hari ini kepada arus sastera Islam. Banyak penulisan beliau tentang ke arah sastera Islam disiarkan di dada-dada akhbar *Ikhwan Muslimin*. Beliau sendiri merupakan ketua editor di samping penyelia ruangan sastera dalam akhbar tersebut. Kedudukan ini membolehkan beliau melontar pandangan dan kritikan dengan bebas. Beliau juga menulis beberapa artikel tentang gagasan ke arah sastera Islam di bawah tajuk *Manhaj al-Adab* (Manhaj Sastera).

Beliau turut mengemukakan beberapa pandangan umum terhadap sastera Islam untuk membuka tirai perbincangan, yang boleh menarik perhatian ramai sarjana, sasterawan dan pengkritik sastera. Dalam masa yang sama, beliau menyeru supaya ditulis semula sejarah Islam mengikut perspektif Islam sebenar dan membetulkan semula kesalahan dan kesilapan yang berlaku dalam penulisan sedia ada. Kemudian pandangan-pandangan beliau itu dikumpul dan dijadikan sebuah buku kecil berjudul *Fi al – Tarikh: Fikrah wa Manhaj* (Dalam Sejarah : Pemikiran dan Kaedah)

yang diterbitkan buat kali pertama pada tahun 1967 oleh Pustaka al Saudiah, Jeddah.

Sumbangan idea-idea kritikan yang beliau kemukakan boleh dilihat dengan jelas semasa beliau mengemukakan pandangannya terhadap gambaran Islam tentang Allah, alam, kehidupan dan manusia. Beliau membincangkan hubungan antara perkara-perkara di atas dengan lebih jelas. Di samping itu, beliau turut menterjemahkan gambaran Islam dalam bahan bacaan yang lebih realiti, iaitu Tafsir Dzilal.

Dalam buku *Al-Naqd al-Adabi* (Kritikan Sastera) beliau membincangkan pandangannya terhadap sastera Islam. Antaranya ialah sastera atau seni yang terpancar daripada gambaran Islam tentang kehidupan tidak banyak menggambarkan detik-detik kelemahan manusia dan pendedahannya juga tidak meluas dan menyeluruh. Islam tidak menolak seni tetapi tidak dapat menerima beberapa gambaran salah yang digambarkan oleh seni tersebut. Sewajarnya seni sastera lebih menggambarkan kehidupan masyarakat mengikut gambaran Islam yang telus dan menyeluruh (Sayyed Qutub 1948).

Dalam buku *Khasais al – Tasawwur al – Islami* (1978: 5) (Ciri-Ciri Gambaran Islam), beliau membincangkan tujuh ciri-ciri tersebut, iaitu ketuhanan, kemantapan, menyeluruh, keseimbangan, positif, realiti dan tauhid. Buku ini merupakan satu pendekatan untuk mengenal pasti ciri-ciri gambaran Islam dan nilai-nilainya yang menggambarkan sistem realiti kehidupan dan dasar pemikiran seni yang boleh diambil daripada gambaran telus lagi menyeluruh tentang kehidupan.

Sastera Islam kreatif hendaklah memancarkan ciri-ciri gambaran Islam yang berinteraksi dengan naluri, emosi, pandangan yang luas lagi terbuka dan selera manusia. Dalam skop yang luas tanpa sempadan itu, ia hendaklah sentiasa berada dalam ruang lingkup Islam.

Ciri ketuhanan ini merupakan tunggak utama yang membawa dan melahirkan ciri-ciri yang lain. Segala gambaran kehidupan yang digambarkan oleh sasterawan hendaklah mempunyai ciri-ciri ketuhanan ini, bagi menjelaskan bahawa alam dan manusia dicipta oleh Allah. Kehidupan dan segala-galanya kembali kepada Allah. Beliau turut membincangkan pengertian manusia dalam gambaran Islam dan hubungannya dengan alam dan penciptanya (Sayyed Qutub 1978:66).

Ciri kemantapan pula dinyatakan bahawa gambaran Islam yang mempunyai ciri ini tidak akan sesat dan menyesatkan orang lain. Walaupun ruang lingkup gambaran tersebut tidak mempunyai sempadan, tetapi pergolakan hendaklah berpaksikan

kepada tunjang ketuhanan. Sasterawan boleh menggambarkan gambaran yang bebas tetapi hendaklah berasaskan kepada paksi ketuhanan dalam apa keadaan sekalipun. Bagi menjelaskan ciri ini, beliau menyatakan beberapa hakikat yang perlu dicapai. Dengan berpandukan kepada hakikat ini sasterawan tidak akan tergelincir daripada landasan gambaran Islam dalam karyanya. Antara hakikatnya:

1. Hakikat kewujudan Allah.
2. Hakikat alam daripada ciptaan Allah.
3. Hakikat keabadian hanya untuk Allah.
4. Hakikat keimanan syarat penerimaan amalan.
5. Hakikat Islam agama Allah.
6. Hakikat keutamaan manusia daripada segala makhluk.
7. Hakikat ketakwaan garis pengukur kepada hamba.
8. Hakikat matlamat kehidupan manusia untuk beribadah.
9. Hakikat aqidah pengikat perpaduan.
10. Hakikat dunia tempat beribadah dan akhirat tempat balasan.

Ciri menyeluruh pula menunjukkan bahawa gambaran Islam tidak dibatasi oleh sempadan tempat dan juga masa. Ia bukanlah untuk masyarakat tertentu sahaja dalam sesuatu masa, tetapi untuk semua masyarakat tanpa mengira tempat dan masa. Dengan tidak ada batasan ini, sasterawan bebas menggambarkan perasaannya terhadap apa yang berlaku dalam alam ini.

Ciri keseimbangan pula memberi keadilan dan saksama dalam gambaran dengan tidak menggambarkan kebaikan atau keburukan semata-mata. Beliau membincangkan keseimbangan antara pengabdian manusia dan cintanya kepada alam, keseimbangan antara kehendak Ilahi dan perjalanan alam dan keseimbangan antara kehendak Ilahi dan kehendak manusia.

Ciri positif daripada dua sumber utama turut dibincangkan. Pertama, positif dalam hubungan antara Allah dan alam, kehidupan dan manusia. Kedua, positif hasil daripada manusia dalam ruang lingkup kemanusiaan. Beliau menjelaskan lagi ciri-ciri positif ini dengan membincangkan hubungan positif antara alam, manusia dan kehidupan dengan Allah. Gambaran Islam menggambarkan hubungan tersebut dengan sifat positif. Segala hubungan yang bersifat negatif antara perkara-perkara di atas ditolak oleh Islam.

Ciri realiti pula, beliau menjelaskan maksud realiti tersebut dalam gambaran Islam, iaitu apa yang ada dalam alam realiti ini. Gambaran Islam menekankan realiti hakikat ketuhanan, realiti hakikat alam dan realiti hakikat kemanusiaan. Realiti ini hendaklah digambarkan dengan telus dan tidak disalah tafsir.

Ciri tauhid pula merupakan ciri terakhir yang menjadi pengikat dan simpulan bagi ciri-ciri di atas. Dimaksudkan dengan tauhid di sini ialah gambaran yang dibuat oleh sasterawan hendaklah jangan menyalahi akidah tauhid atau menggambarkan kepercayaan khurafat atau syirik.

Buku ini merupakan lontaran idea-idea kritikan beliau dalam usaha membina pendekatan sastera Islam. Ia merupakan garis panduan bagi membentuk definisi sastera Islam. Keberkesanan idea-idea ini terbukti dengan munculnya sarjana-sarjana yang membincang dan menghuraikannya.

Dalam tahun 1961, usaha beliau diteruskan oleh saudaranya Muhammad Qutub yang memperjelaskan lagi konsepnya dengan menerbitkan sebuah buku berjudul *Manhaj al-Fanni al-Islami* (Manhaj Kesenian Islam) sebagai menyambung dan menyahut seruan yang dilaungkan oleh saudaranya Sayyid Qutub. Beliau cuba menghurai dan menjelaskan pandangan dan permasalahan yang ditimbulkan oleh saudaranya dengan lebih terperinci. Beliau membincangkan permasalahan seni termasuk bidang sastera dengan meluas mengikut perspektif Islam. Buku ini merupakan buku pertama dalam bahasa Arab yang membincangkan permasalahan sastera mengikut perspektif Islam. Berdasarkan pendapat dan pandangan beliau, definisi sastera Islam ialah: "Ungkapan yang indah tentang alam, kehidupan dan manusia menurut perspektif Islam" (Muhammad Qutub 1981: 6).

Gagasan ke arah bersastera mengikut perspektif Islam berkembang lagi dengan kemunculan seorang novelis Islam daripada kalangan doktor perubatan yang banyak memberi sumbangan teori dan kreatif. Beliau ialah Najib al-Kilani berasal dari Mesir. Dalam tahun 1963 beliau menerbitkan bukunya berjudul *Al-Islam wa Al-Mazahib al-Adabiyah* (Islam dan Mazhab Sastera). Shaltagh (1992: 23) menjelaskan buku tersebut membincangkan perspektif Islam terhadap seni, pertembungan antara agama dan seni, kebebasan dan iltizam, iltizam dalam sastera dunia, Islam dan sastera, sastera Islam dan seks, permasalahan bahasa, sastera Islam tradisi, sastera Islam moden, mazhab-mazhab sastera dunia dan diakhiri dengan contoh-contoh dari kreatif Islam seperti novel, cerpen, drama dan syair (Najib al-Kilani 1987).

Bagi menyambung siri perkembangan sastera Islam moden, muncul seorang lagi tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam perkembangan sastera Islam. Beliau ialah Abdul Rahman Ra'fat al-Basya yang bertugas sebagai dekan di Fakulti Bahasa Arab, Universiti Imam di Riyadh, Arab Saudi ketika itu. Ahmad Muhammad Ali (1991: 8) menjelaskan beliau berjaya menerbitkan beberapa buah buku tentang sastera Islam hasil kerja sama dengan beberapa orang pelajarnya. Buku-buku tersebut diterbitkan oleh Universiti Imam sendiri. Antaranya ialah *Sastera dalam Membantu Kehidupan dan Aqidah*, *Syair Dakwah Islamiah di Zaman Nabi dan Khulafa al-Rasyidin*, *Syair Dakwah Islamiah di Zaman Umawi*, *Syair Dakwah Islamiah di Zaman Abbasi Kedua dan Kisah-Kisah Islam di Zaman Nabi dan Khulafa al-Rasyidin*.

Pandangan-pandangan beliau tentang gagasan ke arah sastera Islam dimuatkan dalam bukunya yang berjudul *Nahwa Mazhab Islami fi al-Adab wa al-Naq*. (Ke Arah Mazhab Islam dalam Sastera dan Kritikan). Beliau turut membincangkan beberapa permasalahan pokok terhadap sastera Islam. Antaranya ialah sikap dan pandangan Islam melalui hadis dan al-Quran terhadap seni sastera khususnya syair, arus mazhab sastera dunia yang dominan serta pandangan Islam terhadapnya, mazhab dan arus sastera yang diperlukan, gambaran Islam terhadap Allah dan makhluknya, ciri-ciri umum bagi sastera Islam, permasalahan iltizam dalam sastera, kebebasan sasterawan, sikap sastera Islam terhadap qada dan qadar, corak etika sastera Islam dalam menggambarkan kejahatan dan keburukan, sikap sastera Islam terhadap hubungan seks, kisah Islam, teater Islam dan beliau mengakhiri perbincangannya dengan memaparkan beberapa contoh teater Islam.

Perkembangan sastera Islam moden berkembang lagi dengan kemunculan seorang lagi tokoh dari Iraq. Beliau ialah Imaduddin Khalil yang banyak memberi sumbangan dan usaha gigih dalam perkembangan gagasan ke arah sastera Islam. Beliau berjaya menerbitkan sebuah buku berjudul *Fi Naqdi Islami Mu'asir* (Dalam Kritikan Islam Semasa) pada tahun 1972. Buku ini pada asalnya merupakan beberapa artikel dan kertas kerja yang membincangkan kritikan mengikut perspektif Islam yang telah beliau siapkan sejak tahun enam puluhan lagi. Dalam tahun 1981 beliau menerbitkan sebuah lagi buku membincangkan kritikan sastera yang berjudul *Muhawalat Jadidah fi al-Naqd wa al-Adab* (Beberapa Percubaan Baharu dalam Kritikan Islam).

Bertolak dari sini, bidang sastera Islam moden terserlah luas hasil dari sumbangan para

sarjana dan sasterawan yang berkecimpung dalam bidang tersebut sehinggalah tercetus idea untuk menubuhkan liga untuk sastera Islam. Sumbangan yang tidak asing lagi, yang dilaungkan oleh al-Syeikh al-Maulana Abu Hassan al-Nadawi untuk menubuhkan sebuah Liga Sastera Islam Sedunia akhirnya menjadi kenyataan.

Satu seminar antarabangsa sastera Islam telah diadakan di Lucknow, India. Seminar tersebut berjalan selama tiga hari iaitu pada 17, 18 dan 19 April tahun 1981. Turut hadir dalam seminar tersebut perwakilan daripada beberapa buah universiti, pusat-pusat pengajian tinggi dan badan-badan sastera dari India, negara-negara Arab dan negara-negara Islam yang lain. Kemudian disusuli pula dengan seminar sastera Islam bagi kali kedua yang diadakan di Universiti Islam Madinah selama lima hari bermula dari 5 hingga 9 Rejab tahun 1402 Hijrah.

Berikutan dari dua seminar di atas, tertubuhlah Liga Sastera Islam Sedunia pada bulan Rabiulawal tahun 1405 Hijrah yang diterajui oleh al-Syeikh Abi Hassan al-Nadawi berpusat di Dar al-Ulum, Lucknow, India. Cawangan-cawangannya juga ditubuhkan di negara-negara Arab dan Islam seperti di Riyadh, Jordan, Mesir dan Turki.

Dalam bidang pembelajaran pula, Said Abu Redha (1983: 37) menjelaskan Universiti Imam Muhammad Ibni Su'ud al-Islamiah, di Riyadh merupakan institusi pendidikan yang pertama muncul dalam bidang ini. Subjek sastera Islam Moden dimasukkan ke dalam sukatan pelajarannya. Kemudian ditubuhkan pula satu jabatan yang diberi nama Jabatan Rhetorika, Kritikan dan Manhaj Sastera Islam. Jabatan tersebut berasal daripada Jabatan Rhetorika dan Kritikan.

Universiti Islam Madinah turut menjejaki usaha yang sama. Hasil kerjasama daripada timbalan rektor dan dekan Fakulti Bahasa Arab, subjek sastera Islam Moden berjaya dimasukkan ke dalam sukatan pelajarannya. Ia mula ditawarkan kepada pelajar-pelajar tahun ke tiga dan ke empat sejak dari sesi pengajian 1401/1402 Hijrah.

Kedua-dua buah universiti di atas dikira institusi yang terawal memberi perhatian dan sumbangan kepada perkembangan sastera Islam Moden di peringkat awal dalam bidang pembelajaran. Kemudian usaha tersebut diikuti oleh universiti-universiti lain seperti Universiti al-Azhar yang menawarkan subjek sastera Islam moden kepada pelajar tahun akhir fakulti bahasa Arab.

## BEBERAPA DEFINISI SASTERA ISLAM

Sastera Islam moden merupakan arus mazhab sastera yang muncul hasil daripada kebangkitan pergerakan Islam. Arus ini bertujuan untuk menghidupkan semula sastera Islam dan memartabatkan karya kreatif sebagai media dakwah seperti yang pernah dicapai di zaman permulaan Islam dahulu. Seruan ke arah bersastera mengikut perspektif Islam mula dirasai sejak dekad empat puluhan lagi.

Menurut Shaltagh (1992: 5) definisi sastera Islam berkembang berperingkat-peringkat sehinggalah mencapai kematangan sekitar dekad 80-an kurun lepas. Tokoh pelopor yang tidak asing lagi dalam bidang ini ialah Sayyid Qutub yang merupakan seorang sarjana Arab pertama yang melaungkan gema ke arah bersastera mengikut perspektif Islam dan mengemukakan teori sastera Islam. Kemunculan penulisannya memberi kesan positif kepada perkembangan teori sastera Islam yang mula diperkatakan dan mendapat sambutan panas daripada para sarjana sastera khususnya mereka yang mempunyai kesedaran Islam.

Pada peringkat awal perkembangan, beliau cuba mendefinisikan sastera Islam dengan katanya (1948: 8):

“Ungkapan tentang pergolakan atau dorongan perasaan dalam bentuk yang boleh memberi inspirasi”.

Kemudian beliau menghurai dan menjelaskan lagi definisi tersebut dengan lebih jelas dengan katanya (1993:11):

“Ungkapan inspirasi tentang nilai-nilai dinamis yang bergolak dengan perasaan sasterawan yang terpancar daripadanya gambaran khusus tentang kehidupan dan hubungannya antara manusia dan alam dan hubungan sesama manusia”

Bertolak daripada dua definisi yang didedahkan oleh Sayyid Qutub, kita dapati bahawa ia tidak bertentangan antara satu sama lain, bahkan definisi yang kedua lebih merupakan huraian dan penjelasan bagi definisi pertama. Kedua-dua definisi tersebut jelas menggambarkan bahawa bersastera mengikut perspektif Islam hendaklah berlandaskan kepada dua perkara pokok. Pertama; pergolakan dalaman atau dorongan perasaan yang jujur. Kedua; ungkapan dinamis yang indah tentang pergolakan dalaman atau dorongan tersebut yang memberi inspirasi kepada nilai-nilai murni.

Salleh Adam Bilu (1985: 52) menjelaskan maksud pergolakan dalaman atau dorongan perasaan ialah pergolakan perasaan yang berlaku dalam jiwa sasterawan hasil daripada sesuatu pengaruh luar atau situasi yang boleh mengerakkan perasaannya, lalu

beliau berusaha untuk menggambarkannya dengan ungkapan indah yang dapat mempengaruhi jiwa masyarakat supaya mereka dapat merasai seperti apa yang dirasainya. Sebenarnya tidak dimaksudkan dengan ungkapan di sini, semata-mata ungkapan kosong sahaja, tetapi yang dikehendaki ialah ungkapan yang dapat membentuk satu gambaran indah, dinamis, inspirasi, memberi kesan dan boleh menimbulkan pergolakan perasaan dalam jiwa orang lain.

Seimbias pandang, didapati bahawa definisi beliau di atas tidak menggambarkan dengan jelas apa yang dikehendaki dengan pengertian sastera Islam, sebaliknya lebih mirip kepada ke arah bersastera atau berseni secara umum. Bagi sastera Islam sudah tentu ia mempunyai garis panduan dan syarat-syarat yang tersendiri mengikut perspektif Islam. Apabila kita mengamati dan meneliti definisi tersebut, kita akan menemui dengan garis panduan dan syarat-syarat tersebut. Contohnya kita melihat semula kepada definisi di atas, kita dapati perkataan gambaran khusus bagi kehidupan dan hubungannya.

Menurut Imaduddin Khalil (1984: 69) gambaran inilah yang menjelaskan kehendak sastera Islam sebenar kerana dalam Islam sendiri terdapat gambaran khusus tentang kehidupan yang terpancar daripadanya nilai-nilai tersebut yang mempunyai sifat-sifat tersendiri. Gambaran tersebut berbeza dengan gambaran yang menyalahi gambaran yang bukan daripada perspektif Islam.

Dari sini dapat digariskan definisi Sayyid Qutub (1992: 28) seperti katanya pada tempat yang lain:

“Ungkapan yang lahir daripada jiwa yang dipenuhi dengan semangat dan kesedaran Islam”.

Bagi memeriahkan lagi perbincangan tentang teori sastera Islam muncul pula adiknya Muhammad Qutub (1981: 6) dengan definisi seni Islam yang merangkumi di dalamnya sastera Islam. Ia merupakan penjelasan dan huraian yang lebih jelas lagi terhadap definisi yang dikemukakan oleh abangnya Sayyid Qutub. Definisi tersebut ialah:

“ungkapan indah tentang alam, kehidupan dan manusia mengikut perspektif Islam terhadap perkara tersebut”.

Dimaksudkan dengan ungkapan yang indah dalam definisi di atas, ialah ungkapan yang memenuhi ciri-ciri berkarya atau bersastera sama ada dalam bidang syair atau prosa seperti novel, cerpen dan teater. Jika ungkapan tersebut tidak memenuhi ciri-ciri tersebut, maka sudah tentu ia tidak tergolong dalam golongan sastera dan tidak dinamakan sastera Islam atau pun bukan Islam.

Tahir M. Ali (1989: 7) menjelaskan kedua-dua tokoh adik-beradik ini merupakan tokoh pelopor dalam mendefinisikan sastera Islam. Kemudian muncul pula para sarjana dan penyelidik yang cuba mengetengahkan definisi mereka tersendiri tentang sastera Islam. Boleh dikatakan keseluruhan definisi mereka berteraskan atau bertitik tolak daripada definisi yang telah diutarakan oleh Sayyid Qutub dan saudaranya Muhammad Qutub. Definisi mereka merupakan penjelasan dan huraian dari definisi kedua-dua tokoh sarjana di atas.

Muhammad al-Majzub (1981: 68) menyatakan sastera Islam ialah satu seni yang menggambarkan peribadi kemanusiaan melalui perkataan yang boleh memberi pengaruh.

Mengikut pendapat Imaduddin Khalil (1987: 69), sastera Islam ialah:

“Ungkapan indah tentang gambaran Islam terhadap alam, kehidupan dan manusia yang boleh memberi pengaruh”.

Abdul Rahman Basha (1996: 92) pula mendefinisikan sastera Islam sebagai:

“Ungkapan seni yang bermotif tentang realiti kehidupan, alam dan manusia berdasarkan perasaan sasterawan yang terpancar daripadanya gambaran Islam tentang hubungan Allah dengan makhluknya dan sebaliknya”.

Boleh disimpulkan bahawa sastera Islam ialah satu tema yang muncul dalam bentuk ungkapan dengan gaya bahasa yang baik hasil daripada pancaran pergolakan pemikiran dan perasaan yang berlaku kesan dari sesuatu peristiwa. Ia tercetus ketika bakat sastera mendorong sasterawan untuk berkarya.

Ahmad Muhammad Ali (1991: 64) menjelaskan bagi mencapai penilaian sastera Islam yang sebenar, sesuatu karya tersebut hendaklah dinilai pada peringkat pertama dari sudut nilai sasteranya, samada ia memenuhi kehendak ciri-ciri sastera ataupun tidak. Sekiranya ia memenuhi kehendak ciri-ciri tersebut barulah dinilai pula di peringkat kedua, iaitu dari sudut Islamnya atau tidak. Garis pengukur bagi menentukan sesuatu karya itu di golong dalam golongan sastera Islam ialah perspektif Islam bagi tema dan mesej yang hendak diungkapkannya. Sekiranya ia lahir dari jiwa sasterawan yang mempunyai pengetahuan dan kesedaran Islam serta menepati kehendak nilai sastera dan perspektif Islam, maka sudah tentu ia memenuhi kehendak sastera Islam. Tetapi jika sebaliknya, ia tidak dikira sebagai sastera Islam.

M. Hassan Barighah (1992: 108) membuat kesimpulan secara keseluruhannya didapati definisi mereka berteraskan kepada dua faktor utama bagi

menilai sastera Islam. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Pertama; ialah ungkapan indah. Kedua; gambaran atau perspektif Islam tentang alam, kehidupan dan manusia. Hasil daripada gabungan kedua-dua unsur tersebut maka lahirlah sastera Islam.

Unsur pertama iaitu ungkapan indah yang bertujuan untuk menilai sesebuah karya supaya boleh di golong dalam golongan karya sastera atau tidak. Sekiranya unsur ini tidak diambil kira, sudah tentu karya sastera tidak akan muncul. Justeru daripada itu, dengan sendirinya karya sastera Islam tidak dapat dihasilkan kerana ia merupakan pra syarat bagi menilai sastera Islam. Unsur ini merupakan bakat atau keupayaan kreatif yang perlu ada pada peribadi seseorang sasterawan Islam. Tanpa bakat tersebut sudah tentu sastera Islam tidak dapat dihasilkan.

Unsur kedua pula, ialah gambaran atau perspektif Islam tentang alam, kehidupan dan manusia. Ia bertujuan untuk menilai sesuatu karya sastera yang dihasilkan itu supaya dapat di golong dalam golongan sastera Islam atau sebaliknya. Sebenarnya unsur kedua ini dapat dicapai selepas terhasilnya unsur pertama. Sesebuah karya sastera dapat di golong dalam golongan sastera Islam dengan memenuhi dua unsur tersebut yang merupakan garis pengukur bagi sastera Islam.

Imaduddin Khalil (1987: 82) menegaskan untuk menghasilkan dan menjayakan sesebuah karya sebagai karya sastera Islam, hendaklah digabungkan kedua-dua unsur tersebut. Adnan Nahwi (1987: 23) menjelaskan ia bertitik tolak dengan syarat hendaklah sasterawan itu menganuti agama Islam dan berpegang kepada iltizam Islam. Mahjat Kamil Darwish (1996: 155) menjelaskan maksud iltizam Islam di sini ialah berpegang dengan nilai-nilai Islam dan gambarnya bagi setiap tema yang hendak digambarkan atau setiap masalah yang hendak dipaparkan.

Kesimpulan yang dapat dibuat hasil daripada perbincangan teori sastera Islam di atas ialah, sasterawan Islam hendaklah berpandukan atau berasaskan kepada perspektif Islam tentang alam, manusia dan kehidupan dalam sesebuah karya. Dengan termeterainya dua unsur tersebut dalam sesebuah karya sastera, maka terhasil sastera Islam.

Daripada definisi yang dibentangkan di atas, jelas menggambarkan bahawa ia memusatkan perbincangan kepada dua unsur utama di atas, bagi menilai sesebuah karya sastera Islam dan merupakan garis pengukur bagi sastera tersebut.

Daripada penelitian kepada beberapa definisi yang dibentangkan di atas, didapati ia tidak membincangkan atau menjelaskan siapakah

sasterawan sebenar bagi ungkapan tersebut. Ini boleh menyebabkan sesetengah sarjana berpendapat bahawa karya sastera yang menepati kehendak sastera Islam boleh digolongkan dalam sastera Islam walaupun sasterawannya bukan orang Islam, asalkan karyanya menepati garis panduan di atas. Ini sudah tentu tidak menepati kehendak sebenar.

Muhammad Qutub (1981) sendiri dalam definisinya tidak menyebut siapakah sasterawan yang boleh melahirkan sastera Islam. Dalam bukunya, beliau membawa beberapa contoh daripada sasterawan yang bukan Islam. Seperti syair daripada penyair India dan teater daripada G. M. Sing. Tetapi dalam perbincangan yang lain, beliau menyebut bahawa seni Islam semestinya muncul daripada artis atau sasterawan Islam yang mempunyai gambaran Islam yang jelas tentang alam, kehidupan dan realiti dengan makna dan pengertian yang luas.

Daripada perbincangan ini, jelaslah bahawa sastera Islam mempunyai hubungan yang rapat dengan sasterawan Islam yang merupakan sumber kemunculannya. Muhammad Hasan Barighash (1992: 159) menjelaskan sastera Islam hendaklah lahir dari sasterawan Islam. Walau bagaimanapun terdapat juga karya sastera yang mempunyai nilai-nilai murni dan gambaran seperti yang dikehendaki oleh Islam, tetapi ia dicipta oleh sasterawan bukan Islam. Karya sastera seperti ini tidak boleh di golong dalam golongan sastera Islam. Sebaliknya dinamakan sastera berunsur Islam atau sastera fitrah manusia yang memerlukan kepada nilai-nilai kebaikan semula jadi. Terdapat sasterawan Islam yang melahirkan karya mereka, tetapi tidak menepati kehendak perspektif sastera Islam, maka ia juga tidak dinamakan sebagai sastera Islam meskipun lahir dari orang Islam.

Kesimpulannya, sastera Islam hendaklah lahir daripada jiwa sasterawan Islam yang berpegang kepada akidahnya, keimanan, amalan, budi pekerti dan akhlak. Perkara tersebut perlu bagi melahirkan karya sastera yang membawa mesej Islam dengan penuh kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat. Ini tidak bermakna bahawa sastera Islam hanyalah membincang soal ibadah sahaja seperti sembahyang, puasa, haji dan wataknnya terdiri daripada ustaz, tok imam, tok lebai serta pakaiannya berjubah, serban, kopiah dan seumpamanya. Karya seperti ini dinamakan karya agama atau sastera agama. Sebaliknya sastera Islam mempunyai dimensi dan ruang lingkup yang luas. Ia merangkumi bidang alam, kehidupan dan manusia serta hubungannya dengan penciptanya. Pada hakikatnya sastera

Islam merupakan media dakwah yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan.

Daripada perbincangan di atas, dapat dibentuk satu definisi sastera Islam dengan pengertian yang merangkumi syarat-syarat yang dibincangkan di atas seperti di bawah:

“Ungkapan indah tentang alam, kehidupan dan manusia serta hubungannya dengan penciptanya mengikut perspektif Islam yang lahir dari jiwa sasterawan Islam yang berpegang kepada akidahnya dengan penuh kesedaran untuk menyampaikan mesej Islam kepada manusia sejangat”.

Hasil daripada definisi di atas, dapat dirumuskan bahawa untuk memenuhi kehendak sastera Islam, akidah adalah asas kepada kemunculannya. Ia merupakan niat suci yang muncul dari kesedaran sasterawan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat dalam karyanya. Unsur kedua ialah sasterawan Islam. Terdapat juga karya sastera yang dibawa oleh sasterawan bukan Islam dengan penuh nilai kemanusiaan. Karya sastera seperti ini tidak digolongkan dalam sastera Islam kerana sasterawannya bukan Islam. Ia hanya dinamakan sastera kemanusiaan. Unsur ketiga ialah gambaran yang digambarkan oleh sasterawan atau tema yang dibawanya. Tanpa tema yang jelas dan membawa mesej, karya tersebut tidak dinilai sebagai sastera Islam. Unsur keempat ialah ungkapan indah yang muncul daripada sasterawan Islam. Ungkapan indah inilah yang dinilai sama ada ia di golong dalam golongan sastera atau tidak. Hasil gabungan daripada keempat-empat unsur ini terpancarlah sastera Islam yang dapat membawa mesej dan nilai-nilai murni kepada masyarakat.

## PENUTUP

Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa sastera Islam dalam sastera Arab moden muncul semula hasil dari pada pergerakan reformasi Islam. Pemikiran ke arah menghidupkan semula sastera Islam dicetuskan oleh tokoh-tokoh reformasi Islam dengan tujuan menjadikannya sebagai wasilah dakwah. Kemuncak perkembangannya dapat dilihat dengan kemunculan Liga Sastera Islam yang berpusat di Riyadh, dan kursus sastera Islam ditawarkan di beberapa buah universiti. Perdebatan definisinya mencapai tahap kematangan sekitar dekat 80-an kurun lepas hasil daripada sumbangan idea tokoh-tokoh reformasi Islam.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Basha. 1996. *Nahwa Mazhab Islami fi al-Adab wa al-Naqd*. Kaherah: Dar al-Adab.
- Adnan Ali Ramdan. 1987. *Al-Adab al-Islami: Insaniyyatuhu wa 'Alamiyyatuhu*. Riyad: Dar al-Nahwi.
- Ahmad Muhammad Ali. 1991. *Al-Adab al-Islam*: Dharurah. Kaherah: Dar al-Shahah.
- Imaduddin Khalil. 1984. *Fi Naqdi Islami Mu'asir*. Beirut: Mua'sasah Risalah.
- Imaduddin Khalil. 1987. *Madkhal ila Nadhariah Adab Islami*. Beirut: Muassasah Risalah.
- Mahjat Muhamad Kamil. 1996. *Qadhaya wa Aara' Hawla al-Adab al-Islami*. Kaherah: University al-Azhar.
- Muhammad al-Majzub. 1981. *Majallah Ba'si Islami*. Bil. 1-2. India: Nadwah Alamiyah li Adab Islami.
- Muhammad Hasan Barighas. 1992. *Al-Adab al-Islami: Usuluhu Wasimatuhu*. Aman: Dar al-Bashir.
- Muhammad Qutub. 1981. *Manhaj al-Fanni al-Islami*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Najib al-Kilani. 1987. *Al-Islamiah wa al-Mazahib al-Adabiah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Rahmah Ahmad & M. Shahrizal Nasir. 2011. Sastera Islam: Satu Perbandingan Antara Pandangan Mohd. Affandi Hassan dengan Abu Ali Al-Nadwi. *Jurnal e-Utama*. Vol. 3.
- Said Abu al-Redha. 1983. *al-Adad al-Islami: Qadiyah wa Bina'*. Jeddah: 'Alam al-Ma'rifah.
- Salleh Adam Bilu. 1985. *Min Qadhaya al-Adab al-Islami*. Jedah: Dar al-Manarah.
- Sayyid Qutub. 1948. *Al-Naqd al-Adabi*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Sayyid Qutub. 1978. *Khasais al-Tasawur al-Islami*. Jedah: Ittihad al-Islami.
- Sayyid Qutub. 1993. *Fi al-Tarikh Wa al-Manhaj*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Sayyid Qutub. 1992. *Madkhal Ila Nazariyyat al-Adab al-Islami*. Beirut: al-Risalah.
- Shaltagh. 1992. *Malameh Ammah li Nadzariyyah Adab Islami*. Damsyik: Darul Ma'rifah.
- Tahir Muhammad Ali. 1989. *Al-Malamih al-'Ammah li Nazariati al-Adab al-Islami*. Beirut: Darul Ma'rifah.

*Rosni bin Samah, Ph.D.*

*Profesor Madya*

*Fakulti Pengajian Bahasa Utama*

*Universiti Sains Islam Malaysia*

E-mail: rosni@usim.edu.my